

*Tarikh Dibaca: 22 JANUARI 2021 | 09 Jumadal Akhirah 1442H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“AKHLAK MULIA, IBADAH SEMPURNA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***

***“AKHLAK MULIA, IBADAH  
SEMPURNA”***



## “AKHLAK MULIA, IBADAH SEMPURNA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا

سَدِيدًا ﴿٧٠﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾<sup>2</sup>

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah kita perkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “AKHLAK MULIA, IBADAH SEMPURNA”.

<sup>1</sup> Al-Ahzab : 70

<sup>2</sup> Ali-Imran : 102



Agama Islam amat menitik beratkan soal akhlak dalam kehidupan seharian. Antara misi dakwah utama yang dibawa dan disampaikan oleh Rasulullah SAW adalah untuk membina akhlak manusia. Akhlak merupakan roh Islam, agama tanpa akhlak diibaratkan seperti jasad yang tidak bernyawa.

### **Hadirin yang dikasihi sekalian,**

Akhlaq adalah bermaksud budi pekerti, kelakuan, tingkah laku yang baik. Dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang menyebutkan ketinggian akhlak nabi SAW dalam surah al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

*"Sesungguhnya padamu (Muhammad) akhlak yang tinggi".*

Akhlaq yang mulia merupakan tingkah laku yang terhasil daripada diri seseorang itu melalui sikap dan keperibadian yang ditonjolkannya. Realitinya, akhlak terpuji mampu menawan hati orang lain sebagaimana akhlak Nabi SAW. Keunggulan dakwah dan tarbiah nabi SAW adalah terletak pada akhlaknya manakala akhlak yang buruk pula adalah sangat dibenci sehingga Rasulullah SAW pernah memohon perlindungan Allah SWT supaya terhindar daripada akhlak yang buruk sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Qutbah bin Malik R.Anhu bahawa Nabi SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ  
وَالْأَهْوَاءِ

*"Ya Allah, aku memohon perlindungan-Mu daripada kemungkaran akhlak, amalan yang buruk dan hawa nafsu yang jahat".*



(*Riwayat al-Tirmizi*).

Sumber akhlak Islam adalah al-Quran dan as-Sunnah yang diwariskan oleh Rasulullah SAW. Kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat tidak akan dapat dicapai selagi mana akhlak tidak dilaksanakan seperti yang dituntut oleh al-Quran dan al-Sunnah. Rasulullah SAW mendidik para sahabat dengan akhlak yang mulia sehingga dapat membentuk sebuah masyarakat Islam yang unggul, beriman, bertaqwa serta cenderung mencintai kebaikan dan kebajikan.

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Tanggungjawab membentuk akhlak merupakan satu agenda besar bertepatan dengan hadis daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

*"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik".*

(*Riwayat al-Baihaqi*).

Secara tidak langsung akhlak mempunyai hubungan dengan aqidah dan syariat. Ianya dapat menggambarkan seseorang yang mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Firman Allah didalam surah al-Baqarah ayat 208 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً .....

*"Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya".*



## Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Setiap amalan dan perbuatan manusia hendaklah berlandaskan kepada ajaran Islam yang lengkap meliputi aspek ibadah, akhlak, muamalah dan sebagainya. Apabila seseorang hamba meyakini bahawa Allah tuhan yang telah memberikan segala kenikmatan hidup, maka mereka akan membentuk akhlak dengan memantapkan keyakinan dan iktiqad berasaskan ilmu tauhid. Pemantapan iman dan islam ini disusuli dengan melaksanakan dan mengerjakan amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT didalam kehidupan seharian. Akhirnya akhlak akan terhasil melalui perlakuan-perlakuan baik itu secara mudah, istiqamah dan ikhlas. Akhlak yang mulia adalah merupakan tanda dan kesan dari iman dan aqidah yang luhur. Tidak ada nilai bagi iman yang tidak disertai dengan akhlak. Ia diibaratkan seperti rumah kosong yang tidak berpenghuni.

Akhlaq adalah buah daripada ibadah. Ibadah yang sempurna membuahkan akhlak yang baik dan ada nilainya di sisi Allah SWT. Sebaliknya ibadah yang membuahkan akhlak yang buruk, menandakan bahawa ibadah yang dilakukan selama ini tidak sempurna dan tiada nilainya di sisi Allah SWT. Mereka dikalangan orang-orang yang beribadah tetapi ibadah mereka tidak membuahkan akhlak yang baik. Mereka solat, berpuasa, berzakat tetapi ucapan dan kata-kata masih menyakitkan hati orang lain, hati mereka penuh dengan sifat hasad dan dengki.

Abu Hurairah R.Anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW dengan katanya:

"إِنَّ فُلَانَةَ يُذَكِّرُ مِنْ كَثْرَةِ صَلَاتِهَا، وَصِيَامِهَا،  
وَصَدَقَتِهَا، غَيْرَ أَنَّهَا تُؤْذِي جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا"



"Ada seorang wanita yang dikenali dengan banyak solatnya, puasa dan sedekahnya, tetapi ia menyakiti jirannya dengan lisannya".

Jawab Rasulullah SAW:

"هِيَ فِي النَّارِ"

"Dia ke dalam neraka".

Tanya lelaki itu lagi:

"فَإِنَّ فُلَانَةَ فُلَانَةٌ يُذَكَّرُ مِنْ قِلَّةِ صِيَامِهَا، وَصَدَقَتِهَا،  
وَصَلَاتِهَا، وَإِنَّهَا تَصَدَّقُ بِالْأَثْوَارِ مِنَ الْأَقِطِ، وَلَا تُؤْذِي  
جِيرَانَهَا بِلِسَانِهَا"

"Ada seorang wanita yang dikenali dengan sedikit puasanya, sedekah dan solatnya, ia hanya bersedekah dengan sepotong keju, tetapi ia tidak menyakiti jirannya dengan lisannya".

Maka jawab Rasulullah SAW:

"هِيَ فِي الْجَنَّةِ".

"Dia masuk ke dalam syurga".

(Riwayat Ahmad).

**Muslimin yang berbahagia sekalian,**

Justeru walau sebanyak manapun amalan kita dan sekuat manapun hidup beragama namun ianya menjadi sia-sia sahaja sekiranya kita tidak menitik beratkan aspek akhlak dan nilai mulia dalam diri kita. Utamakanlah akhlak-akhlak mulia yang telah diterapkan oleh Islam. Bahkan akhlak



Islam itu sangat penting dalam mencorakkan keperibadian individu dan masyarakat yang akan membentuk tingkahlaku, perbuatan dan amalan seharian.

Antara beberapa pengajaran dan penghayatan daripada khutbah hari ini untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita ialah :

1. Umat Islam hendaklah berakhlak dengan akhlak yang mulia bertunjangan kepada akidah yang benar.
2. Umat Islam janganlah berakhlak dengan akhlak yang buruk yang menyebabkan amalan ditolak oleh Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh dan tauladan yang baik dalam kehidupan seharian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ  
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)".*

*(al-Ahzab : 21).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي  
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

**Hadirin yang berbahagia,**

Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.

Dalam usaha kita memutuskan rantai Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk terlebih dahulu sebelum datang ke masjid atau surau, membawa sejadah



masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ،  
سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، ابن المرحوم  
سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمْ  
الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ  
عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ  
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِينَ  
لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءِ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.